

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes / Pg. B3
Date	Wed, 5th Oct 2016	Lead Article	No
Headline	Akta Pembangunan PKS Lonjak Eksport Negara		

Akta Pembangunan PKS lonjak eksport negara

Fakta nomor

36.3

PERATUS

sumbangan PKS kepada KDNK

17.6

PERATUS

sumbangan PKS kepada eksport



[FOTO ROSELA ISMAIL /BH]

Ahmad pada sesi dialog bersama ahli DPMM sempena lawatan rasmi ke DPMM di Kuala Lumpur, semalam.

Pelaksanaan Akta Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dijangka dilaksanakan pada pertengahan 2017 akan melonjak sumbangan PKS kepada eksport negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Ahmad Maslan, berkata akta yang akan dibentangkan di Parlimen pada Disember dijangka memperkasakan entiti PKS untuk kekal berdaya saing, termasuk pada peringkat global.

"Akta ini bertujuan mengukuhkan lagi ekosistem perniagaan secara keseluruhan dan bakal memberi manfaat kepada 645,136 PKS yang berdaftar di Malaysia.

"Dengan adanya akta ini, ia akan meningkatkan daya saing syarikat, mengembangkan syarikat berkaitan seterusnya mendorong pertumbuhan aktiviti eksport dalam kalangan PKS.

"Ketika ini, PKS menyumbang 17.6 peratus kepada eksport negara dan kita jangkakan dengan adanya akta ini, ia mendorong kepada sasaran kita, iaitu sumbangan 23 peratus kepada eksport negara," katanya pada sidang me-

dia sempena lawatan rasminya ke Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Dzulkifli Mahmud dan Setiausaha Agung DPMM, Datuk Seri Syed Hussien Al Habshee.

Kelmarin, media melaporkan, MITI akan membentangkan Akta Pembangunan PKS di Dewan Rakyat pada Disember ini.

Perkongsian awam serta swasta

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, antara inti pati Akta Pembangunan PKS ialah pengumpulan data dan perkongsian awam serta swasta bagi mengukuhkan lagi perkembangan syarikat berkaitan.

"MITI juga akan memperkemas keperluan PKS dalam akta berkenaan, termasuk kuota kontrak untuk Bumiputra dan tempoh pembayaran projek swasta kepada PKS.

"Akta ini akan dibentangkan oleh Menteri MITI, Datuk Seri Mustapa Mohamed akhir tahun

nanti," katanya.

Sementara itu, lawatan rasmi Ahmad ke DPMM adalah bertujuan menjalin hubungan baik di antara MITI dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) yang bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan dalam menyokong aktiviti memperjuangkan agenda Bumiputera.

MITI menyediakan pelbagai platform dan pakej insentif serta pembiayaan kewangan bagi usahawan Bumiputera yang berkecayaan melalui agensi di bawahnya seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan MATRADE.

DPMM yang memiliki 15 cawangan di seluruh negara kecuali Sarawak, ditubuhkan sebagai sebuah organisasi bermatlamat menyatupadukan peniaga dan pengusaha Melayu.

Ketika ini, DPMM melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan Bumiputera dengan kerjasama pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak korporat dan swasta serta institusi kewangan bagi mempertingkatkan taraf profesionalisme usahawan.